

**DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

PENGGAL YANG KEDUA

KERTAS PEMBERITAHU

HARI ITHNIN, 25 HARIBULAN APRIL, 1960

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

***1. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan ada-kah ia-nya menyedari bahawa lebeh daripada 80 orang pekerja² di-Ladang Nanas Lam Huat, Johor Bahru telah terganggu mata pencharian-nya 'akibat-nya penutupan Ladang itu. Boleh-kah Menteri itu menerangkan apa² langkah yang di-anggar akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk membuka sa-mula ladang itu, demi kepentingan pekerja² itu dan kepentingan ekonomi negeri ini.

***2. Enche' V. David:** Minta kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan apa-kah langkah² tegas yang di-ambil-nya untuk menubohkan satu pasaran bersama di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura.

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Luar menerangkan ada-kah Kerajaan Persekutuan mengiktirafkan perjanjian Geneva berkenaan dengan hal Indo-China dan ada-kah ia menyokong ranchangan menggunakan pilehan raya bebas bagi menyatukan Vietnam Utara dengan Vietnam Selatan.

2. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan berapa lama-kah lagi Maktab² Perguruan di-England itu di-gunakan; berapa-kah jumlah perbelanjaan menjalankan-nya sa-lama² ini, berapa-kah ramai guru yang telah lulus daripada Maktab² itu dan ada-kah mereka yang bukan daripada warga negara Persekutuan telah di-hantar untuk berlatah di-sini dengan belanja Kerajaan Persekutuan. Sakira-nya ada, berapa-kah bilangan guru² itu.

3. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan ada-kah pensharah² di-Maktab Perguruan yang tersebut tadi, di-bayar gaji-nya mengikut tangga gaji pegawai dagang, atau mengikut tangga gaji pegawai di-negeri British.

4. Enche' V. David: Minta kapada Menteri Pelajaran menerangkan ada-kah wang kumpulan yang telah salah di-gunakan oleh Sekolah St. Francis Melaka, sabagaimana yang di-laporkan oleh Pemereksa kira² Negara (Penyata 1958), telah dapat di-kembalikan, dan sakira-nya belum di-kembalikan, apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk mengembalikan wang itu.